

Peniaga belon berisiko lumpuh kekal

mek' atau *compressed*, banyak komplikasi dan yang paling kita risau sekali, dia mula rasa kebas dan pesakit tidak dapat mengawal kencing.

“Dan komplikasi yang kita tak nak berlaku adalah risiko lumpuh, kita berdoa dalam tempoh tiga hingga enam bulan, dia (Muhammad Za'imuddin) kembali pulih,” katanya pada sidang media selepas Muhammad Za'imuddin selesai membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, semalam. Pada

sidang media itu, Muhammad Za'imuddin ditemani ibunya, Hasnah Mat Isa dan peguam, Muhammad Rafique Rashid Ali.

Menurut Dr Mohd Hafidz, sepatutnya, pada 18 April ini, Muhammad Za'imuddin perlu menjalani pembedahan hernia di skrotum yang sudah membesar.

“Akibat kejadian ini, pembedahan itu terpaksa ditangguhkan dan kini, fokus rawatan adalah tulang belakang T12 yang tidak boleh bergerak terlalu banyak.

“Jika ditanya skala kesakitan daripada satu hingga 10, Muhammad Za'imuddin boleh katakan, skala pada lapan hingga sembilan, memang sakit kerana ia membabitkan saraf di kiri dan kanan,” katanya.

Dr Mohd Hafidz berkata, dalam nota discaj Muhammad Za'imuddin juga dikepilkan salinan sijil cuti sakit selama 48 hari.

“Dalam tempoh itu, dia tidak boleh bergerak dan semestinya tidak boleh menjual belon,” katanya.

Sementara itu, Hasnah berkata, dia terkilang dengan kejadian yang berlaku terhadap anaknya.

“Anak saya hanya mencari rezeki yang halal, tidak patut dia diperlakukan kejam sebegini, kami akan teruskan ambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan dan DBKL,” katanya.

Ditanya bagaimana dia mengetahui kejadian itu, katanya, dia melihat video yang tular di media sosial dan terkejut diberitahu itu adalah anak lelakinya.

“Saya terus hubungi suami dan diberitahu, itu memang anak kami. Saya sedih kerana anak perlu menjalani pembedahan hernia dan mencari wang untuk membiayai kos rawatan itu,” katanya.

**Mangsa mula
rasa kebas dan
tidak dapat
mengawal kencing**